

## HERITAGE IN RHYTHM: TRACING THE IDENTITY OF ADAT PERPATIH THROUGH THE SONG “THIS IS PILAH”

### WARISAN DALAM IRAMA: MENELUSURI IDENTITI ADAT PERPATIH MELALUI LAGU “THIS IS PILAH”

Nur Filzahruz Mohamad Sahi, Noorazeen Razali<sup>iii</sup>, Nurul Ashiqin Jaafar<sup>iii</sup> & Adila Abdullah<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Centre Of Islamic, General And Language Studies (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia. filzahruz@uptm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah, Centre Of Islamic, General And Language Studies (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia. noorazeen@uptm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Centre Of Islamic, General And Language Studies (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia. ashiqin@uptm.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah, Centre Of Islamic, General And Language Studies (CIGLS), Universiti Poly-Tech Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia. adila\_a@uptm.edu.my

#### Article Progress

Received: 15 Julai 2025

Revised: 15 August 2025

Accepted: 28 August 2025

#### Abstract

*This article aims to analyze how the song WARIS, This is Pilah functions as a medium of popular culture that strengthens the cultural identity of the people of Negeri Sembilan, particularly through the expression of Adat Perpatih and local historical heritage. In the context of modernization and the influence of global culture, this study evaluates the role of contemporary music as a channel for conveying values and narratives of collective identity. The research adopts a qualitative approach through thematic content analysis of the song's lyrics, supported by a literature review and data triangulation from academic sources related to Adat Perpatih, popular culture, and archaeological history. The findings identify four main themes. First, Appreciation of Custom and Religion highlights how marriage, inheritance, and the position of women are depicted in accordance with the principle “custom is founded upon religion, and religion is founded upon the Book of God”. Second, Social Structure emphasizes the roles of traditional leaders such as Buapak and Ibu Soko, as well as the Berkodin custom, which forms the foundation of community leadership. Third, Civilizational Heritage is represented through references to megalithic stones as physical evidence of Negeri Sembilan's early history and civilization. Fourth, Traditional Food of Negeri Sembilan is symbolized through apam Johol, representing a cultural element deeply rooted in community identity. In conclusion, This is Pilah is not merely a product of entertainment, but also serves as a cultural education platform that integrates elements of history, religion, and custom into a modern art form. Popular culture through music like this proves to be an effective medium for preserving heritage and nurturing identity in contemporary society.*

**Keywords:** Adat Perpatih, Culture, Identity, Negeri Sembilan, Music.

|                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Abstrak</b> | <p><i>Artikel ini bertujuan menganalisis bagaimana lagu WARIS, This is Pilah berfungsi sebagai medium budaya populer yang memperkuat identitas budaya masyarakat Negeri Sembilan, khususnya melalui pengungkapan Adat Perpatih dan warisan sejarah tempatan. Dalam konteks pemodenan dan pengaruh budaya global, kajian ini menilai peranan muzik kontemporari sebagai saluran penyampaian nilai dan naratif identitas kolektif. Kaedah kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan tematik terhadap lirik lagu, disokong dengan kajian kepustakaan dan triangulasi data daripada sumber akademik berkaitan Adat Perpatih, budaya popular, dan sejarah arkeologi. Hasil kajian mengenal pasti empat tema utama. Pertama, Penghayatan Adat dan Agama memperlihatkan bagaimana perkahwinan, pewarisan harta, dan kedudukan wanita digambarkan selari dengan prinsip “adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah”. Kedua, Struktur Sosial menonjolkan peranan pemimpin adat seperti Buapak dan Ibu Soko, serta adat Berkodin yang menjadi teras kepimpinan komuniti. Ketiga, Warisan Tamadun diterjemahkan melalui rujukan kepada batu megalitik sebagai bukti fizikal sejarah dan tamadun awal Negeri Sembilan. Keempat, Makanan Tradisi Negeri Sembilan dimanifestasikan melalui simbolik kuih apam Johol sebagai elemen budaya yang berakar dalam identitas masyarakat. Kesimpulannya, lagu This is Pilah bukan sekadar produk hiburan, tetapi berperanan sebagai wahana pendidikan budaya yang menyatukan elemen sejarah, agama dan adat dalam bentuk seni moden. Budaya popular melalui muzik seperti ini terbukti mampu menjadi medium efektif untuk memelihara warisan dan menyemai jati diri dalam masyarakat kontemporari.</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> Adat Perpatih, Budaya, Identiti, Negeri Sembilan, Muzik.</p> |
|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## PENDAHULUAN

Adat Perpatih sebagai warisan unik Negeri Sembilan berhadapan cabaran besar dalam era pemodenan dan globalisasi. Tradisi matrilineal berusia ratusan tahun ini sarat dengan nilai komuniti dan falsafah Islam yang jelas terserlah melalui pepatah “adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah” yang menjadi tunjang amalan Adat Perpatih (Mochammad Sahid, Mualimin, 2018).

Namun, kemajuan teknologi dan pengaruh budaya luar telah mengakibatkan generasi muda kian terpisah daripada warisan tradisi ini. Gaya hidup moden yang mendominasi arus semasa menyebabkan minat belia terhadap adat dan tradisi lama semakin luntur, sekali gus mengancam kelangsungan Adat Perpatih dalam masyarakat (Omar, 2020). Kurangnya pendedahan dan pendidikan tentang warisan nenek moyang ini dalam kalangan anak muda memburukkan lagi keadaan, kerana tanpa kefahaman mendalam, generasi baharu mungkin tidak menghargai nilai-nilai murni Adat Perpatih yang selari dengan syariat Islam. Permasalahan ini menggambarkan krisis identitas budaya di mana warisan tempatan berisiko terpinggir di tanah air sendiri akibat desakan pemodenan.

Sebagai tindak balas kepada cabaran tersebut, muncul usaha inovatif memanfaatkan media muzik kontemporari bagi memelihara dan menghidupkan semula identitas budaya tradisional. Lagu *This is Pilah* nyanyian WARIS merupakan sebuah karya hip-hop berbahasa loghat Negeri Sembilan, merupakan contoh jelas bagaimana elemen Adat Perpatih dan nilai Islam diangkat dalam medium muzik popular masa kini. Lirik lagu tersebut menyisipkan prinsip adat “adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah” serta rujukan budaya setempat, sekali gus menjadikan lagu ini sebagai wahana pendidikan tidak formal tentang warisan Negeri Sembilan. Muzik popular sememangnya diakui sebagai ekspresi budaya yang mencerminkan amalan dan nilai masyarakat (Johan, 2022).

Justeru pendekatan WARIS bertepatan dengan gagasan bahawa seni muzik boleh dijadikan alat menyampaikan jati diri dan tradisi kepada audiens yang lebih luas. Malah, sejarah muzik pop Melayu menunjukkan penggabungan unsur tradisional dengan gaya moden mampu menarik minat generasi baharu terhadap seni warisan yang kian terpinggir. Walaupun demikian, sorotan kajian lepas mendapati jurang penyelidikan dalam konteks ini adalah kebanyakan kajian warisan budaya di Malaysia lebih tertumpu kepada aspek sejarah, sosiobudaya atau seni tradisional, dan jarang sekali meneliti peranan genre hip-hop sebagai medium pemeliharaan budaya. Hal ini menjadikan kajian terhadap lagu *This is Pilah* amat signifikan untuk mengisi kelompong tersebut.

Kajian ini bukan sahaja menganalisis lirik bagi mengenal pasti unsur Adat Perpatih dan nilai Islam, malah menilai keberkesanan muzik kontemporari sebagai saluran menyemai identiti budaya dalam kalangan masyarakat masa kini. Melalui pendekatan ini, penelitian terhadap lagu *This is Pilah* dapat memberikan perspektif baharu dalam usaha melestarikan warisan tradisi di tengah-tengah arus modernisasi, sekali gus menyumbang kepada perbincangan akademik mengenai pemeliharaan identiti budaya melalui media kreatif moden. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan dengan dua objektif utama, iaitu pertama, menganalisis lirik lagu *This is Pilah* bagi mengenal pasti unsur Adat Perpatih serta nilai Islam yang terkandung dalam adat tersebut dan kedua, menilai peranan lagu ini dalam menyampaikan identiti budaya kepada masyarakat.

## **METODOLOGI**

Kajian ini bersifat kualitatif dan dilaksanakan melalui kaedah analisis kandungan tematik terhadap lirik lagu *This is Pilah* nyanyian WARIS. Analisis ini turut disokong dengan kajian kepustakaan mendalam yang melibatkan rujukan silang terhadap jurnal akademik, prosiding, serta karya sastera dan ilmiah berkaitan Adat Perpatih, nilai Islam dalam adat, dan wacana muzik sebagai medium penyampaian budaya. Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih kontekstual dan kritikal terhadap bagaimana warisan budaya dapat dizahirkan dan dipertahankan melalui naratif seni kontemporari.

Pelaksanaan analisis tematik dijalankan secara sistematik bagi mencapai dua objektif utama kajian ini, iaitu pertama, menganalisis lirik lagu *This is Pilah* bagi mengenal pasti unsur Adat Perpatih serta nilai Islam yang terkandung dalam adat tersebut dan kedua, menilai peranan lagu ini dalam menyampaikan identiti budaya kepada masyarakat. Proses analisis bermula dengan pembacaan menyeluruh lirik lagu secara baris demi baris untuk mengenal pasti frasa, simbol, dan pernyataan dalam dialek Negeri Sembilan yang mempunyai nilai adat dan agama. Frasa-frasa yang dikenalpasti ini ditandakan sebagai unit analisis dan kemudiannya dikodkan secara induktif kepada kategori awal seperti 'struktur sosial', 'pewarisan matrilineal', 'identiti budaya', dan 'rujukan sejarah'.

Seterusnya, kod-kod awal ini digabungkan dan dianalisis untuk membentuk tema-tema utama yang konsisten dengan objektif kajian. Empat tema utama telah dikenalpasti hasil daripada analisis tematik ini, iaitu: (1) Penghayatan Adat dan Agama, yang membincangkan elemen perkahwinan, kedudukan wanita dan pewarisan harta berlandaskan prinsip "adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah"; (2) Struktur Sosial, yang menghuraikan peranan kepemimpinan Buapak dan Ibu Soko serta adat berkodin; (3) Warisan Tamadun, yang merujuk kepada kewujudan batu megalitik sebagai bukti sejarah tempatan; dan (4) Makanan Tradisi Negeri Sembilan, dengan tumpuan kepada kuih apam Johol sebagai simbol budaya tempatan.

Setiap tema kemudiannya disemak dan disahkan semula melalui rujukan silang dengan sumber ilmiah dan kerangka teori yang digunakan. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah triangulasi data untuk meningkatkan ketepatan dan kekukuhan dapatan. Triangulasi ini melibatkan perbandingan antara data lirik lagu, interpretasi makna berdasarkan teori budaya, serta rujukan literatur ilmiah seperti artikel jurnal dan prosiding. Dengan menggabungkan pelbagai sumber data ini, interpretasi yang dihasilkan menjadi lebih sah dan meyakinkan, serta mengurangkan kemungkinan bias penyelidik. Bagi memastikan kebolehpercayaan dapatan pula, kajian ini mematuhi empat kriteria

*trustworthiness* oleh Lincoln dan Guba (1985). Pertama, dari segi *credibility*, dapatan divalidasi menggunakan Teori Budaya Populer oleh John Storey dan Teori Representasi oleh Stuart Hall serta disokong oleh literatur seperti Radzuan (2023), Rahimi (2000) dan Mohd Radzi & Yusoff (2023). Kedua, *transferability* dijamin melalui huraian kontekstual dan terperinci terhadap adat, struktur masyarakat, serta naratif lagu. Ketiga, *dependability* dicapai melalui dokumentasi sistematik proses analisis, termasuk rekod kod dan tema. Keempat, *confirmability* dipastikan dengan menyokong setiap penemuan dengan data empirikal iaitu petikan lirik dan sumber rujukan yang sahih.

#### **ADAT PERPATIH DALAM LAGU *THIS IS PILAH***

Adat Perpatih merupakan sistem adat matrilineal warisan masyarakat Minangkabau yang diamalkan di Negeri Sembilan sejak ratusan tahun lalu (Radzuan, 2023). Adat ini dibawa masuk ke Tanah Melayu sekitar abad ke-15 seiring dengan kedatangan Islam, dan berkembang di wilayah-wilayah yang kemudiannya membentuk gabungan Negeri Sembilan pada abad ke-18. Sebagai warisan budaya tidak ketara yang menjadi teras identiti Melayu Negeri Sembilan, Adat Perpatih berpaksikan nilai komuniti dan musyawarah serta berakar pada prinsip-prinsip Islam. Falsafah “adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah” menjadi tunjang Adat Perpatih, menggambarkan bahawa norma adat dipandu oleh syariat Islam dan harmonis dengan ajaran al-Quran (Ghazali, 2022).

Sebagai sebuah sistem sosial dan cara hidup bagi sebahagian masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, Adat Perpatih kini berhadapan situasi goyah di mana arus pemodenan bersama pengaruh gaya hidup Barat kian meresap dalam kalangan generasi muda. Tradisi ini semakin dilihat sekadar kenangan sarat simbol dan persepsi, terutama dalam pandangan anak-anak muda masa kini. Dalam jangka masa yang panjang, Adat Perpatih ini malahan juga adat-adat Melayu yang lain akan luput ditelan zaman. Adat ini jika dilihat masa sekarang dan dalam konteks jangka panjang dan futuristik telah mula terbenam dan kelak akan menjadi harta karun orang Melayu yang bernilai tetapi tidak lagi mampu dimanfaatkan.

Malahan sekarang, adat ini susah untuk dikenal nilainya. Pemetaan dan pendokumentasian harus dilakukan dengan satu sistem dan kaedah yang sistematik agar kelak, jika generasi muda hendak mencarinya ‘senang’ dijumpai dan tepat penafsirannya. Ini kerana Adat Perpatih bukan saja amalan hidup sehari-hari, tetapi ia merupakan satu sistem yang kompleks yang telah lama diamalkan dengan penuh harmoni (Ahmad et. al., 2019). Sebagai satu kebudayaan, Adat Perpatih adalah satu sistem kompleks yang terkandung dalamnya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, estetika, undang-undang adat resam dan segala kebolehan yang dipelajari oleh individu sebagai ahli masyarakat pengamalannya dan yang membezakannya dengan masyarakat lain.

Atas realiti tersebut, Adat Perpatih yang kini wujud dalam masyarakat yang sedang melalui fasa peralihan nilai dan terpaksa berdepan cabaran dunia moden yang semakin menekan saban waktu. Peribahasa adat “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas” kian terasa goyah dan lambang ketahanan itu sudah sukar dipertahankan sepenuhnya. Akibatnya, kelangsungan Adat Perpatih yang dahulunya tenang dan tersusun kini kelihatan mula berbelit dan berdepan pelbagai kepincangan.

Sehubungan itu, pengkaji berpendapat bahawa pembudayaan semula adat ini mesti digarap secara lebih kreatif agar selaras dengan corak kehidupan moden. Warisan Adat Perpatih tidak seharusnya terbatas pada bahan bacaan atau penulisan ilmiah semata-mata; sebaliknya, ia juga boleh dihidupkan melalui medium budaya popular misalnya penciptaan lagu kontemporari yang mengangkat dialek, simbol, dan nilai adat tersebut. Pendekatan sonik sedemikian mampu menjangkau khalayak muda, menanam kefahaman serta kebanggaan baharu terhadap Adat Perpatih, sekali gus memastikan kelestariannya dalam era globalisasi.

Lagu *This is Pilah* merupakan contoh terkini bagaimana elemen muzik kontemporari digunakan untuk mengekspresikan identiti budaya Adat Perpatih. WARIS, seorang penyanyi rap kelahiran Rembau, Negeri Sembilan, terkenal dengan kreativiti menggabungkan irama hip-hop dengan dialek tempatan negeri tersebut. Melalui lirik berbahasa *Nogori* yang sarat rujukan tempatan, termasuk penggunaan perbilangan adat tradisional, lagu ini memperkenalkan warisan Adat Perpatih kepada generasi muda dalam bentuk yang segar dan mudah dihayati. Sebagai contoh, ungkapan adat seperti “adat bersendikan syarak” turut diselitkan dalam lirik, menekankan jati diri Islam-Melayu yang sinonim dengan Adat Perpatih. Pendekatan muzik sebegini bukan sahaja meraikan loghat dan budaya tempatan, malah berperanan sebagai medium pendidikan tidak formal yang menghubungkan khalayak moden dengan tradisi nenek moyang mereka.

Namun demikian, kelangsungan Adat Perpatih pada masa kini menghadapi cabaran hebat arus pemodenan dan globalisasi. Proses urbanisasi dan perubahan sosioekonomi telah mengakibatkan pengamalan Adat Perpatih semakin berkurangan dan pengaruhnya kian memudar, terutamanya di kalangan generasi muda yang kurang memahami adat ini (Radzuan, 2019; Radzuan, 2023).

Dunia moden yang serba global menuntut Adat Perpatih bersaing dengan budaya popular arus perdana, sehingga adat resam tradisional berisiko ditelan zaman. Justeru, usaha melestarikan Adat Perpatih memerlukan pendekatan yang inovatif dan proaktif. Sarjana warisan tidak ketara menekankan pentingnya mengaitkan warisan budaya dengan kreativiti dan pembaharuan agar terus relevan. Dalam konteks inilah muzik kontemporari seperti lagu *This is Pilah* memainkan peranan strategik sebagai alat pemerikasaan warisan yang menghubungkan generasi muda yang celik teknologi dengan falsafah Adat Perpatih secara kreatif. Pendekatan sebegini menunjukkan bahawa melalui medium seni dan hiburan yang digemari ramai, nilai dan identiti Adat Perpatih dapat dihidupkan semula dalam jiwa masyarakat moden, sekali gus memastikan warisan berharga ini terus lestari di tengah arus perubahan zaman (Radzuan, 2023).

Memahami Adat Perpatih juga melibatkan penerokaan terhadap suatu sistem sosial yang rumit, aturan hidup yang tersusun secara sistematik, bertunjangkan prinsip keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat, selain dipandu oleh konsep dan ideologi yang jelas (Rosli, 2009). Atas sebab itu pengkaji ingin memperlihatkan dan menjelaskan unsur Adat Perpatih serta nilai Islam yang terkandung dalam lirik lagu *This is Pilah* serta menilai peranan lagu ini dalam menyampaikan identiti budaya kepada masyarakat di Malaysia demi memperkukuh kefahaman masyarakat tentang kepentingan memelihara warisan budaya tempatan.

## **ANALISIS TEORI BUDAYA POPULAR DAN TEORI REPRESENTASI**

John Storey, seorang sarjana kajian budaya, mentakrifkan budaya popular sebagai pada asasnya budaya yang digemari secara meluas atau diminati oleh sejumlah besar individu. Budaya popular merangkumi produk dan amalan budaya harian yang mendapat sambutan massa seperti muzik, filem, televisyen, fesyen yang mudah diakses dan mempunyai tarikan umum. Menurut Storey (2018), budaya popular bukan hanya bentuk hiburan ringan tetapi juga medium penting dalam menyampaikan nilai sosial dan budaya kepada masyarakat.

Ia membawa makna yang pelbagai kerana budaya popular mencerminkan realiti sosial serta menjadi alat dalam penghasilan dan penyebaran identiti kolektif masyarakat. Pendekatan ini berguna untuk memahami muzik kontemporari sebagai alat komunikasi budaya kerana lagu-lagu popular sering membawa mesej, nilai, dan identiti yang dikongsi ramai. Melalui edaran meluas dan penerimaan oleh khalayak massa, muzik popular dapat menyampaikan norma sosial, memperkukuh nilai budaya, atau mencetus perubahan dengan cara yang difahami oleh masyarakat moden. Dengan kata lain, teori Storey membantu kita melihat lagu bukan hanya sebagai hiburan, tetapi sebagai medium komunikasi budaya yang mencerminkan pengalaman kolektif dan pertentangan makna dalam masyarakat.

Dalam konteks kajian ini, lagu *This is Pilah* menjadi contoh tepat bagaimana budaya popular berfungsi sebagai medium penyampaian nilai, warisan dan struktur sosial tradisional yang kompleks. Ia bukan sekadar hiburan, sebaliknya mengangkat identiti budaya masyarakat Negeri Sembilan, terutamanya berkaitan Adat Perpatih, melalui bahasa, simbol dan struktur naratif yang mudah difahami generasi muda. Petikan lirik berikut boleh dikaitkan secara langsung:

"Adat bersendikan syarak  
*This is Pilah, one more time*  
Syarak bersendi kitabullah  
*This is Pilah, one more time*"

Petikan ini menegaskan prinsip budaya dan agama yang menjadi teras kehidupan masyarakat setempat, dipaparkan berulang kali melalui muzik popular sebagai satu strategi penyampaian yang santai tetapi berkesan. Lagu ini menjadi alat efektif dalam memperkenalkan nilai-nilai budaya setempat kepada generasi muda yang mungkin lebih terbiasa dengan budaya global yang semakin menghakis identiti tradisional.

Storey (2018) turut menekankan bahawa budaya popular memiliki kuasa untuk menyatukan komuniti melalui representasi simbolik yang dikongsi secara meluas. Hal ini terbukti melalui lirik:

"Ko hulu ko hilir  
Ko baghuh ko daghek  
Ado buapak dan ibu soko  
Apo guno kalau kito kodin bodekek  
Sakit poning kita nantikan terjago  
Pomatang di pupuk jangan jangan pijak  
Tanah tongah lombut nanti kono pijak  
Kato orang tuo orang lamo lamo  
Yang kocik eh bolopak  
Yang bosa eh bojonjang"

Bait-bait lirik dalam lagu *This is Pilah* ini memaparkan bukan sahaja struktur sosial matrilineal, tetapi juga tanggungjawab kolektif, sistem penjagaan komuniti, dan nilai bermuafakat, yang merupakan teras masyarakat Adat Perpatih. Menurut kajian oleh Zainal Abidin et al. (2017), representasi budaya dalam media tempatan memainkan peranan penting dalam revitalisasi sistem sosial tradisional. Apabila unsur adat seperti Ibu Soko dan Buapak ditampilkan secara kreatif, ia membantu menghidupkan semula pemahaman generasi muda terhadap sistem kekeluargaan dan peranan dalam komuniti.

Lebih penting, lagu ini memperkukuhkan apa yang disebut oleh Storey sebagai "semiotik budaya", iaitu penggunaan tanda dan simbol untuk menyampaikan makna yang lebih mendalam berkaitan dengan identiti. Lirik seperti "tanah tongah lombut nanti kono pijak" bukan sahaja metafora terhadap keharmonian yang rapuh dalam masyarakat, tetapi juga menandakan sensitiviti terhadap tanah pusaka dan hak warisan dalam Adat Perpatih. Elemen-elemen ini memaparkan secara jelas struktur sosial Adat Perpatih yang diamalkan masyarakat, lalu memperkukuhkan kesedaran kolektif serta mempertingkatkan kebanggaan terhadap identiti budaya tempatan.

Lagu *This is Pilah* menggabungkan irama moden dengan identiti tempatan untuk menyampaikan rasa bangga dan penghayatan terhadap warisan Negeri Sembilan kepada generasi muda. Dengan cara ini, lagu ini memenuhi definisi Storey tentang budaya popular yang digemari khalayak ramai sambil membawa makna sosial yang dikongsi bersama, iaitu kebanggaan terhadap budaya sendiri dalam konteks masyarakat moden.

Manakala teori Representasi oleh Stuart Hall (1997) memperkenalkan konsep representasi sebagai proses penghasilan makna melalui bahasa dan sistem simbol. Hall menegaskan bahawa representasi adalah sebahagian penting dalam proses di mana makna dihasilkan dan dipertukarkan antara anggota sesebuah budaya, yang melibatkan

penggunaan bahasa, tanda dan imej untuk mewakili sesuatu. Makna tidak wujud secara sendirinya pada objek atau idea, sebaliknya makna dihasilkan apabila kita mewakili sesuatu itu dengan melalui kata-kata, gambar, atau simbol dalam cara yang boleh difahami oleh orang lain. Teori Representasi Stuart Hall pula menekankan bahawa identiti dan makna budaya dihasilkan dan dikongsi melalui sistem representasi seperti bahasa, imej, atau muzik. Representasi dalam konteks ini bukan sekadar mencerminkan sesuatu realiti, tetapi turut menghasilkan dan menyebarkan makna serta nilai-nilai tertentu kepada masyarakat.

Menurut Hall, bahasa harus difahami dalam erti yang luas, merangkumi bukan sahaja perkataan tetapi juga imej, bunyi, dan simbol-simbol budaya yang lain. Proses representasi ini bukanlah neutral atau mudah, ia melibatkan tafsiran dan rangkaian konsep yang dikongsi bersama oleh anggota budaya tersebut. Makna yang terhasil melalui representasi sentiasa terbuka kepada perundingan dan ia boleh dipengaruhi oleh konteks sosial dan kuasa yang ada. Pendeknya, teori Hall menekankan bahawa makna budaya dibentuk melalui praktik representasi, iaitu bagaimana sesuatu dikatakan atau digambarkan (melalui lirik, visual, ikon, dan sebagainya) akan menentukan bagaimana orang memahami sesuatu konsep budaya itu. Teori representasi ini menyediakan kerangka untuk menganalisis lagu, lirik, dan imej dengan meneliti bagaimana makna dicipta dan bagaimana sesuatu kumpulan atau adat diwakili dalam medium komunikasi.

Dalam lagu *This is Pilah*, liriknya secara sedar telah direka sebagai satu sistem simbolik yang memperkukuhkan representasi identiti budaya masyarakat Negeri Sembilan. Misalnya, rangkap berikut:

"Antaro duo gunung diam eh daerah  
Berkatlah Yang Dipertuan Besar"

Melalui lirik ini, landskap geografi tempatan bukan sahaja digambarkan secara simbolik tetapi turut dijadikan alat representasi identiti yang menghubungkan masyarakat dengan sejarah dan kedudukan institusi diraja tempatan. Melalui representasi sebegini, generasi muda dapat mengaitkan diri dengan identiti kolektif yang diwarisi secara simbolik melalui lagu popular. Selain itu, representasi adat dan gastronomi tempatan dalam lirik seperti:

"Makan kari kambing kuih apam Johol  
Mandi jogham tengkek atau ulu bondul"

Merupakan representasi budaya yang konkrit dan mudah difahami. Elemen-elemen harian ini memainkan peranan sebagai tanda atau kod budaya yang berfungsi mengekalkan ingatan kolektif terhadap warisan masyarakat.

Hall (1996) turut menegaskan bahawa representasi budaya sentiasa berubah mengikut konteks zaman dan dipengaruhi oleh interaksi sosial. Maka, penyampaian adat tradisional melalui medium kontemporari seperti lagu rap tempatan ini menjadi sangat relevan dan efektif kerana ia menggunakan bahasa dan gaya yang lebih dekat dengan generasi muda yang terdedah kepada budaya global.

Lagu *This is Pilah* juga berperanan mewakili dan membentuk semula imej Adat Perpatih dalam ruang muzik kontemporari. Adat Perpatih, iaitu sistem kekerabatan matrilineal tradisi Negeri Sembilan, diangkat sebagai tema dan latar budaya dalam lagu ini. Melalui lirik dan naratif lagu, WARIS merepresentasikan adat dan nilai masyarakat *Waghih* (anak Negeri Sembilan) kepada audiens yang lebih luas. Sebagai contoh, kreativiti penulis lirik ini menggabungkan dialek Negeri Sembilan dan istilah adat dengan gaya hip-hop moden telah memberi nafas baru kepada Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan.

Hal ini bermakna aspek-aspek adat lama (seperti peranan suku, adat perkahwinan matrilineal, dan pepatah tempatan) ditampilkan semula dalam bentuk yang segar dan relevan untuk pendengar masa kini. Melalui representasi sedemikian, makna Adat Perpatih ditafsir dan disampaikan semula, malah lagu ini turut menjelaskan kepada pendengar konteks adat (misalnya dengan menangani stereotaip bahawa lelaki "takut" hilang harta bila mengahwini wanita Negeri Sembilan) dan menonjolkan falsafah di sebalik adat

tersebut, seperti keutuhan komuniti dan penghargaan kepada wanita. Proses ini selari dengan teori Hall dalam lagu *This is Pilah* menggunakan bahasa dan simbol budaya (iaitu lirik berloghat, kisah perkahwinan adat, imej kehidupan di Kuala Pilah) untuk menghasilkan makna tentang Adat Perpatih bagi khalayak moden. Akibatnya, imej Adat Perpatih yang mungkin dianggap kuno mendapat tafsiran baru dan ia dilihat sebagai *cool* dan bernilai dalam budaya popular.

Lagu ini bukan sahaja memaparkan adat tersebut kepada pendengar (fungsi representasi), tetapi turut membingkai semula pandangan masyarakat terhadapnya. Imej Adat Perpatih yang terhasil melalui lagu ini adalah imej yang lebih positif, segar dan relevan, berbanding tanggapan lama bahawa ia sekadar adat tradisional yang ketinggalan zaman. Dengan demikian, lagu *This is Pilah* memperlihatkan bagaimana produk budaya popular boleh menjadi medium representasi budaya yang mencipta makna baru tentang warisan tradisional. Penerapan kedua-dua teori ini menunjukkan bahawa lagu tersebut berjaya berfungsi sebagai jambatan antara warisan Adat Perpatih dengan audiens kontemporari, melalui gabungan elemen pop masa kini dengan representasi budaya lampau iaitu suatu manifestasi jelas budaya popular sebagai komunikasi budaya menurut Storey dan representasi makna budaya melalui bahasa dan simbol menurut Hall.

### **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini mendapati bahawa lagu *This is Pilah* mengandungi pelbagai elemen yang mencerminkan kekayaan warisan budaya masyarakat Negeri Sembilan. Lirik lagu ini tidak hanya menjadi medium hiburan semata-mata, tetapi turut berperanan sebagai wahana penyampaian nilai dan identiti kolektif masyarakat. Dapatan mengenai penghayatan adat dan agama yang membincangkan elemen perkahwinan, kedudukan wanita dan pewarisan harta berlandaskan prinsip “adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah”, struktur sosial yang menghuraikan peranan kepemimpinan Buapak dan Ibu Soko serta adat Berkodin, warisan tamadun yang merujuk kepada kewujudan batu Megalitik sebagai bukti sejarah tempatan dan makanan tradisi Negeri Sembilan dengan tumpuan kepada kuih apam Johol sebagai simbol budaya tempatan akan dibincangkan dalam hasil kajian.

#### **Penghayatan Adat dan Agama**

Lirik “Adat bersendikan syarak, syarak bersendi Kitabullah” dalam lagu *This is Pilah* menegaskan keserasian di antara adat tempatan dan prinsip Islam. Dalam amalan masyarakat Negeri Sembilan, setiap urusan termasuk perkahwinan, kedudukan wanita serta pewarisan harta, perlu mematuhi kedua-duanya. Bagi upacara perkahwinan, misalnya, kesahihan akad mesti dipenuhi melalui wali atau wakilnya, disaksikan, dan disertakan mas kahwin di sisi syarak, sambil tidak melanggar pantang-larang adat sebagaimana diperincikan dalam perbilangan “syarak tidak menghalang, adat tidak menggagalkan” (Fithriah et. al, 2018).

Kedudukan wanita dalam masyarakat Negeri Sembilan yang berpegang pada Adat Perpatih pula menurunkan nasab secara matrilineal. Anggota sesuku dianggap berasal daripada leluhur perempuan yang sama, atas sebab itu hubungan mereka dianalogikan seperti adik-beradik atau anak-beranak. Sejalan pertambahan generasi, struktur keluarga berkembang daripada keluarga ke rumpun ke perut ke suku. Berpaksikan tanggapan satu ‘perut’ inilah timbul dua norma jodoh iaitu norma perspektif (eksogami di mana lelaki dilarang menikahi perempuan sesuku) dan norma preferential (pilihan silang-pupu, iaitu perkahwinan dengan anak gadis abang atau adik lelaki ibu atau anak gadis kakak/adik perempuan ayah) (Norhalim, 2007).

Dari perspektif pewarisan, tanah adat yang secara kolektif dimiliki oleh sesuatu suku, diturunkan mengikut garis keturunan perempuan kerana ia diiktiraf sebagai ‘urf (adat kebiasaan) yang serasi dengan syarak. Harta jenis ini tidak memenuhi syarat harta faraid (tiada pemilikan individu mutlak). Justeru kaedah pembahagian faraid tidak terpakai. Bagi mengelakkan kekeliruan, misalnya tanggapan bahawa “semua harta pusaka jatuh kepada anak perempuan”, Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah mengeluarkan panduan hukum yang

mengesahkan keharusan pewarisan tanah adat. Pendekatan pencerahan ini turut diperluas oleh para penyelidik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui projek “Adat Perpatih Patuh Syariah”, siri forum dan seminar seperti “Adat Perpatih dan Syarak Berpisah Tiada”. Resolusi bersama Kementerian Pengajian Tinggi, USIM dan Lembaga Adat Negeri Sembilan menegaskan pentingnya melestarikan Adat Perpatih sebagai warisan negeri yang sejajar dengan tuntutan Islam (Mochammad Sahid et.al. ; Siti Suriani, 2020).

### **Struktur Sosial dalam Adat Perpatih**

Struktur sosial dalam Adat Perpatih dapat dilihat dalam lirik di bawah:

"Ke hulu ke hilir  
Ko bagus ko daghek  
Ado buapak dan ibu soko"

Lirik lagu di atas menyatakan bahawa di mana-mana pun (hulu-hilir, baruh-darek), masyarakat Negeri Sembilan masih berpayungkan struktur kepemimpinan Adat Perpatih iaitu Buapak (ketua lelaki setiap perut/keluarga besar) dan Ibu Soko (ketua wanita yang melantik serta mengawasi Buapak, penjaga silsilah dan harta pusaka). Mereka menjamin kebajikan, keputusan adat dan perpaduan komuniti. Rangkap lirik ini menegaskan bahawa ke mana saja seseorang merantau di Negeri Sembilan, dari hulu ke hilir, dari lembah ke pedalaman, masyarakatnya masih terikat dan terlindung oleh sistem Adat Perpatih yang berpaksikan kepemimpinan Buapak dan Ibu Soko.

Seperti yang diketahui, Adat Perpatih merupakan sistem kekerabatan matrilineal yang menekankan susur galur keturunan ibu. Masyarakat ini terbahagi kepada suku dan perut (kelompok keluarga luas), di mana setiap perut lazimnya diketuai oleh seorang Buapak (lelaki) atau Ibu Soko (wanita) yang dihormati sebagai pemimpin adat. Kedua-dua jawatan ini adalah tunjang dalam struktur sosial Adat Perpatih dan berperanan sebagai rujukan utama hal ehwal adat dan agama bagi anggota kelompok mereka, yang dikenali sebagai anak buah. Secara hierarki, Buapak dan Ibu Soko berada di bawah pimpinan Datuk Lembaga (ketua suku) dan bekerjasama memastikan kelangsungan adat serta keharmonian komuniti (Syuhada et. al., 2023).

Buapak adalah ketua lelaki bagi Perut (klan) dalam Adat Perpatih. Sebagai “bapa” kepada anak-buah, beliau menjadi rujukan adat dan agama dalam memastikan setiap ahli memahami larangan besar seperti perkahwinan sesuku. Menyelesaikan konflik dan menjaga kebajikan dengan bertindak umpama orang tua yang mengurus pertikaian, gotong-royong dan bantuan ketika kematian atau kesusahan. Serta mewakili Perut dalam musyawarah iaitu dengan membawa suara keluarganya ke peringkat suku bersama Buapak lain dan Datuk Lembaga. Walaupun memimpin, kuasanya tetap tunduk pada prinsip matrilineal, di mana setiap keputusan besar dirujuk kepada Ibu Soko, dan pelantikannya sendiri disahkan oleh beliau. Hubungan saling melengkapi ini memastikan kepemimpinan lelaki berpadu dengan restu wanita terpenting dalam perut, selaras dengan sifat *adat matriarchal* masyarakat Negeri Sembilan (Azman et. al., 2022).

Ibu Soko pula merupakan pemimpin wanita tertinggi dalam perut atau suku yang mengamalkan Adat Perpatih. Gelaran ini merujuk kepada wanita dewasa berusia (biasanya ibu saudara atau nenek) yang diiktiraf memiliki pengetahuan mendalam tentang adat, serta berpengaruh dalam hal-hal sosial, ekonomi dan ritual komuniti (Azman et. al., 2022). Ibu Soko adalah tunjang perempuan dalam struktur Adat Perpatih (Syuhada et. al., 2023). Pada peringkat komuniti, beliau mempengerusikan segala urusan adat majlis perkahwinan (berolek), daripada menyelaras persiapan ruang beradat hingga memastikan tetamu kehormat seperti Dato’ Lembaga dan Buapak diraikan mengikut protokol (kain lelangit, dulang tembaga).

Pada peringkat organisasi, restu Ibu Soko menjadi prasyarat sah pelantikan Buapak dan Dato’ Lembaga dan tanpa tandatangannya, jawatan tersebut terbatal. Beliau menyediakan dan menyerahkan kelengkapan pelantikan seperti tilam pandak, tepak sirih, tan mas dan bunga pahar, di hadapan Yang Dipertuan Besar, sambil bertindak sebagai

pengimbang yang mengawasi agar Buapak, Lembaga, Undang mahupun Raja tidak menyimpang daripada garis adat. Sebagai individu, Ibu Soko adalah tertua dan paling arif tentang salasilah, di mana beliau merupakan pakar rujuk bila timbul pertikaian suku, penentu pewarisan tanah adat, serta penjaga kesinambungan nasab ibu. Kewibawaannya menjadikan beliau simbol identiti kolektif dari segi ilmu, nilai moral dan jati diri komuniti berpaut kukuh pada sosoknya (Radzi & Yusoff, 2023).

Kepimpinan berpasangan Buapak (lelaki) dan Ibu Soko (wanita) menjadi tiang simbolik yang mengekalkan komuniti Adat Perpatih. Pertama, keseimbangan kuasa jantina terjamin apabila Buapak memimpin secara terbuka manakala Ibu Soko bertindak sebagai penimbang tara dan keputusan pun mencerminkan suara kedua-dua pihak, sekali gus menjaga kebajikan seluruh ahli. Warisan matrilineal yang diawasi Ibu Soko turut memelihara kedudukan ekonomi wanita dan melindungi keluarga daripada kemiskinan atau penindasan (Rushdan et. al., 2023). Kedua, mereka adalah penjaga kesinambungan budaya di mana Ibu Soko menurunkan ilmu adat, silsilah dan ritual, sementara Buapak meneruskan tradisi muafakat dan tanggungjawab kolektif, memastikan roh adat nenek moyang terus hidup. Ketiga, melalui ritual, penyelesaian konflik dan gotong-royong yang mereka kendalikan, rangkaian sosial komuniti kekal kukuh dan solidariti terpelihara.

“Apo guno kalau kito kodin bodekek  
Sakit pening kite nantikan terjago”

Rangkap “Apo guno kalau kito kodin bodekek, sakit pening kite nantikan terjago” menegaskan falsafah berkodin dalam Adat Perpatih yang melibatkan upacara menerima seseorang masuk suku yang melayakkan mereka menikmati perlindungan Buapak, Ibu Soko dan seluruh anak buah.

Berkodin ialah satu upacara penting dalam Adat Perpatih yang meneguhkan kedudukan seseorang dalam jaringan kekeluargaan suku serta mengesahkan hak dan tanggungjawabnya. Perkataan kodin membawa maksud saudara, maka berkodin merujuk kepada proses bersaudara, di mana suatu ikatan kekeluargaan yang terjalin rapat berlandaskan adat yang diwarisi turun-temurun dan dijunjung hingga hari ini serta masa hadapan.

Dalam sistem pusaka Adat Perpatih, anak perempuan merupakan pewaris harta pesaka, manakala anak lelaki hanya memegang hak guna atau penyandang pusaka adat. Jika sesebuah keluarga tidak dikurniai anak perempuan, mereka boleh menerima anak angkat dari luar untuk memastikan kesinambungan waris. Prosedur pengambilan itu dilaksanakan melalui upacara berkodin, sekali gus menempatkan anak angkat berkenaan dalam struktur suku dan memelihara kelangsungan pemilikan pusaka keluarga.

Rahimi (2000) menghuraikan dua bentuk utama iaitu berkodin pinang sebatang atau berkodin selayar atap/sebilah lantai dan berkodin aur serumpun. Berkodin pinang sebatang lazimnya bertujuan “menumpang suku”. Upacara ini bersifat sederhana dan hanya Buapak menjadi saksi, kambing disembelih sebagai korban, dan “duit adat” diagih kepada Buapak, Besar Waris, Tua Waris serta Ibu Soko. Sebaliknya, berkodin aur serumpun, juga digelar berkodin adat dan pusaka, dikhususkan untuk perempuan yang ingin mewarisi harta suku. Istiadatnya lebih gah, melibatkan sembelihan lembu atau kerbau, serta kehadiran Datuk Lembaga, Buapak, Besar Waris, Tua Waris dan Ibu Soko. Banyak perlakuan bersifat simbolik di mana individu yang masuk suku disebut tunas menumpang atau tunas yang ditutkan, menandakan pemindahan status dan hak pusaka secara tersirat (Rahimi, 2000).

Perjalanan kedua-dua bentuk berkodin memerlukan persetujuan sebulat suara warga suku dan perancangan rapi oleh Ibu Soko, termasuk memasang tabir langit, menyediakan tilam serba putih, dan menghidang makanan dalam dulang tembaga bagi tetamu kehormat. Seperti diceritakan oleh seorang informan, tujuan utama berkodin adalah menempatkan individu tanpa suku dalam struktur adat serta mengabsahkan pewarisan tanah pusaka melalui dokumen hitam-putih. Kegagalan mendapatkan kesepakatan akan menggugurkan istiadat berkenaan (Radzi & Yusoff, 2023). Dengan itu, berkodin bukan

sekadar ritual sosial, tetapi mekanisme undang-undang adat yang menjamin kesinambungan harta, maruah, dan tanggungjawab kolektif dalam masyarakat Negeri Sembilan.

Ungkapan lirik “sakit pening kite nantikan terjago”, yakni jika sakit atau susah kita pasti dijaga merupakan janji sosial yang terbit terus daripada kontrak persaudaraan hasil upacara berkodin. Sesudah seseorang bersaudara melalui berkodin, dia diterima sepenuhnya sebagai anak-buah di bawah jagaan Buapak dan Ibu Soko melibatkan hak pewarisan pesaka, tempat berteduh serta segala kebajikan harian-nya kini dipikul bersama oleh seluruh suku (Rahimi, 2000). Kewajipan kolektif ini digaris dalam perbilangan adat “yang sakit dijenguk, yang susah dibantu, yang tiada sama dicari,” menegaskan bahawa tiada anggota dibiarkan terabai, sekali gus menghidupkan maksud “terjago”.

Pada masa yang sama, rangkap lirik “Apo guno kalau kito kodin bodekek” mengingatkan bahawa hak jagaan tersebut datang dengan syarat. Individu yang gagal menunaikan tanggungjawab moral digelar bodekek, iaitu mencabuli semangat gotong-royong yang melandasi Adat Perpatih. Justeru, mekanisme berkodin bukan sekadar memindahkan harta (melalui berkodin pinang sebatang atau aur serumpun) tetapi menginstitusikan saling-pelihara misalnya kesihatan, maruah dan kesejahteraan setiap ahli. Apabila semua proses dari sembelihan korban hingga tabir lelangit yang dipasang Ibu Soko telah dipersetujui secara sebulat suara dan diikrarkan dalam surat hitam-putih (Radzi & Yusoff, 2023), jaminan “sakit pening terjago” menjadi sah di sisi adat, mewujudkan rangka keselamatan sosial yang lestari bagi komuniti Negeri Sembilan.

## **Warisan Tamadun**

“Bukti tamadun dilihat melalui  
Tinggalan sejarah batu Megalitik”

Lirik di atas menunjukkan bahawa kebudayaan batu megalitik merupakan antara tinggalan arkeologi yang penting di Negeri Sembilan. Kawasan Lembah Terachi mencatatkan lebih daripada 300 tapak megalitik yang dikenal pasti hasil daripada tinjauan yang telah dibuat pada tahun 1990. Kebanyakan tapak ini, terletak di tanah adat milik masyarakat Minangkabau. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Evans (1921), perkembangan kebudayaan ini dianggarkan berlaku sekitar abad ke-14 hingga 15 Masihi, berdasarkan kepada tarikh kematian Syeikh Ahmad Majnun sekitar tahun 1467 Masihi sebagai rujukan. Selain Lembah Terachi, penemuan tapak megalit turut direkodkan di daerah Rembau, Jelebu, Kuala Pilah dan Tampin. Beberapa struktur megalit di kawasan ini dikaitkan dengan tokoh-tokoh penting dalam sejarah Negeri Sembilan seperti Datuk Nisan Tinggi, Dato’ Patah, Dato’ Ahmad, Tok Sari dan Moyang Salleh (Ramli et. al., 2019).

Ekskavasi awal oleh Evans (1919/1921) menemui menhir granit, tembikar, syiling dan batu nisan purba, lalu menunjukkan tapak tersebut pernah berfungsi sebagai pusat ritual serta pengebumian pada zaman pra-Islam hingga era Kesultanan Melayu Melaka (Salina, et. al., 2019). Penyelidikan seterusnya merekodkan lebih 200 tapak megalitik di sekitar Kuala Pilah, sekali gus menegaskan kesinambungan budaya daripada prasejarah ke zaman moden (Mahadzir et. al., 2021; Salina et.al., 2019).

Dari segi fungsi, batu-batu ini berperanan sebagai penanda kubur, lokasi upacara animisme, simbol kesuburan pertanian, pusat sosial dan lambang status. Dalam tradisi lisan, ia digelar batu hidup yang diyakini mempunyai semangat yang membuatnya membesar saban tahun, menggambarkan pandangan dunia masyarakat adat tentang hubungan roh-manusia-alam (Mahadzir et. al., 2021).

Kesedaran nilai sejarah ini turut diangkat dalam budaya popular dalam bait lagu “bukti tamadun dilihat melalui tinggalan sejarah batu megalitik” menandakan pengiktirafan kolektif terhadap ketokohan batu-batu tersebut sebagai simbol identiti Negeri Sembilan. Penerapan rujukan arkeologi dalam medium hip-hop menghubungkan generasi muda dengan warisan lampau dan menjadikan batu megalitik bukan hanya artifak muzium, tetapi penanda jati diri tempatan (Ibrahim et. al., 2025). Kini, beberapa tapak megalitik telah

diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan, dipelihara oleh Jabatan Warisan Negara dan kerajaan negeri sebagai monumen penting negara (Salina et. al., 2019).

### **Makanan Tradisi Negeri Sembilan**

“Nonggok kodai Ameng jalan Pilah lamo,  
makan kari kambing, kuih apam Johol”

Lirik ini menukilkan suasana lepak warung khas di Kuala Pilah. Frasa dialek “nonggok kodai Ameng jalan Pilah lamo” melakar bayangan sebuah gerai lama di tepi jalan lama yang menunjukkan jalur bersejarah yang pernah menjadi nadi keluar-masuk daerah. Ajakan ‘nonggok’ (duduk santai) itu bukan sekadar berhenti menjamu selera (makan kari kambing dan kuih apam Johol), tetapi menghidupkan budaya berkumpul, bertukar cerita dan mengekalkan rasa kebersamaan kampung.

Sementara itu, kuih apam Johol atau apam daun rambai terkenal sebagai kuih tradisional dari Johol, Negeri Sembilan. Kuih tradisional ini sangat masyhur dalam kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan serta berkait rapat dengan budaya Minangkabau. Keunikan kuih ini telah ditonjolkan melalui penggunaan daun rambai sebagai alas yang memberikan aroma yang sangat unik dan menambah selera. Kuih ini dihasilkan daripada tepung beras, gula merah dan santan melalui proses penapaian dimana ia dapat menghasilkan tekstur lembut serta rasa yang enak. Hidangan ini sering disajikan dalam acara adat dan kenduri sebagai tanda penghormatan, selain dijadikan sebagai lambang identiti budaya serta warisan kuliner Negeri Sembilan yang diwarisi sehingga kini.

Kuih Apam Johol telah dijadikan sebagai hidangan tradisional yang melambangkan nilai perpaduan serta hormat-menghormati dalam budaya masyarakat Negeri Sembilan. Kuih ini juga sering dihidangkan dalam pesta, acara tradisional, dan perayaan sebagai tanda penghormatan kepada tetamu dan cara untuk menunjukkan kemesraan oleh tuan rumah. Selain itu, proses penyediaan kuih ini juga dijadikan sebagai medium penyatuan keluarga dan masyarakat melalui amalan gotong-royong. Dengan rasa dan aroma yang unik daripada kuih apam Johol ini, warisan budaya dan masakan Minangkabau sekaligus dapat dikekalkan dan berjaya menghubungkan generasi kini dengan tradisi nenek moyang mereka.

### **PENUTUP**

Kesimpulannya, lagu WARIS - *This is Pilah* melampaui fungsi hiburan semata-mata dan menjadi wahana penting dalam memperteguhkan identiti kolektif masyarakat Negeri Sembilan. Melalui lirik yang memaparkan struktur sosial Adat Perpatih, termasuk konsep matrilineal, peranan Ibu Soko dan Buapak, pewarisan harta serta norma perkahwinan menunjukkan lagu ini membantu komuniti mengekalkan akar budaya mereka di tengah arus pemodenan.

Rujukan kepada batu megalitik sebagai bukti tamadun turut mengaitkan memori kolektif masyarakat dengan warisan prasejarah tempatan, manakala kerangka teori John Storey dan Stuart Hall memperlihatkan bagaimana budaya popular berfungsi sebagai ruang simbolik tempat makna adat, agama dan sejarah dirunding serta dikongsi. Penggunaan hip-hop serta dialek setempat akhirnya menjadikan lagu ini medium kreatif yang dekat dengan generasi muda, sekali gus memudahkan transmisi pengetahuan tradisional.

Walau bagaimanapun, kajian ini terhad kepada analisis sebuah lagu sahaja, justeru generalisasi terhadap keseluruhan budaya popular Negeri Sembilan memerlukan sampel karya yang lebih pelbagai. Di samping itu, dimensi penerimaan khalayak belum dinilai secara empirikal, maka kajian masa depan disarankan menggunakan tinjauan atau temu bual pendengar bagi menilai sejauh mana mereka menginternalisasikan nilai yang dipaparkan.

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa muzik popular boleh menjadi agen signifikan dalam pemuliharaan dan pengukuhan identiti budaya. Lagu *This is Pilah* menunjukkan bahawa nilai adat, sejarah dan agama dapat disemai melalui medium kreatif yang berimpak tinggi, sekali gus memantapkan rasa kekitaan dalam kalangan masyarakat

yang berdepan cabaran globalisasi. Hasil ini menyeru kerjasama lebih erat antara penggiat seni, akademik dan pembuat dasar untuk memanfaatkan budaya popular sebagai platform strategik demi kelestarian warisan bangsa. Kesimpulannya, lagu *This is Pilah* membuktikan bahawa warisan Adat Perpatih masih relevan, malah boleh diangkat semula apabila dilunakkan dalam irama kontemporari yang segar, sekali gus menepati hasrat pepatah adat untuk terus “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas” dalam arus globalisasi masa kini.

### **Penafian Pembiayaan**

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran atau sokongan kewangan daripada mana-mana agensi kerajaan, institusi swasta, atau badan bukan berkeuntungan.

### **RUJUKAN**

#### **Buku**

- Storey, J. (2018). *Cultural theory and popular culture: An introduction* (8th ed.). Routledge.
- Hall, S. (1996). Cultural identity and diaspora. Dalam P. Mongia (Ed.), *Contemporary postcolonial theory: A reader* (pp. 110–121). Arnold.
- Hall, S. (1996). Race, culture and communications: Looking backward and forward at cultural studies. Dalam J. Storey (Ed.), *What is cultural studies: A reader* (pp. 336–343). Edward Arnold.
- Sukri, S., & Radzuan, A. W. (2019). Predominant practices of Adat Perpatih practised by the Malays of Negeri Sembilan. Dalam M. I. Qureshi (Ed.), *Technology & society: A multidisciplinary pathway for sustainable development: Vol. 62* (pp. 375–386). Future Academy.

#### **Jurnal**

- Ahmad, S., Kosman, K. A., Abdullah, S. Y., & Gaman, M. N. A. (2019). Teras adat perpatih Negeri Sembilan sebagai satu keunikan identiti warisan bangsa. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(2), 1–8.
- Azman, N. S., Mazlan, I. M., Sujak, I., Mat So'od, N. F., & Wallen, L. (2022). Traditional malay house in Negeri Sembilan: cultural influence in design and construction. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 7(21), 323–332. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v7i21.3775>
- Ibrahim, N., Ramli, Z., Mahadzir, S. Y., & Ahmad, S. (2025). Potential of archeotourism at the megalithic site in Pengkalan Kempas historical complex, Negeri Sembilan: an analysis of community perception. *Journal of Ecohumanism*, 4(1), 2300–2309. <https://doi.org/10.62754/joe.v4i1.6049>
- Masdey, S. S., Ramli, Z., Abu Bakar, N., & Ahmad, S. (2019). Megalithic site in Negeri Sembilan. *International Journal of Mechanical Engineering and Technology*, 10(1), 1159–1170.
- Masri, M. (2018). Towards prevalence of Negeri Sembilan Malay traditional architecture for future communities: Misconceptions. *Asian Journal of Environment-Behaviour Studies*, 3(8), 187–204. <https://doi.org/10.21834/aje-bs.v3i8.289>
- Mohd Radzi, N. S., & Mohd Yusoff, M. Y. (2023). Adat Perpatih di Luak Johol, Negeri Sembilan: Peranan Ibu Soko. *Jurnal Wacanasarjana*, 7(3), 1–13.
- Radzi, N. S. M. (2023). Adat Perpatih di Luak Johol, Negeri Sembilan: Peranan Ibu Soko Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(3), 1–13.
- Radzi, R. M., & Yusoff, R. (2023). Peranan Ibu Soko dalam kelangsungan Adat Perpatih: Kajian di Negeri Sembilan. *Jurnal Sosiobudaya Malaysia*, 5(1), 45–60.
- Rahimi N.S. (2000). Adat Berkadim dalam Luak Jempol Negeri Sembilan. *Jurnal Warisan*, 23, 71–84.
- Ramli, Z., Ahmad, S., Nasruddin, N. E. M., Masdey, S. S., Azizan, N. F., & Ali, M. S. M. (2019). Pemetaan tapak megalitik di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan Darul Khusus. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 32(2), 45–57.

- Rushdan, W. N. A. M. W., Muda, M. Z., & Kusrin, Z. M. (2023). The difference between the inheritance of common heritage and customary heritage in the practice of Adat Perpatih. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(3), 24–37.
- Sahid, M. M., & Othman, S. S. (2020). *Adat Perpatih dan syarak*. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.16820.32644>
- Wardi, F., & Sahid, M. M. (2018). Pengaruh sistem matrilineal dalam adat Negeri Sembilan: Perspektif syarak. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(2), 83–91. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol6no2.146>

### **Prosiding**

- Mahadzir, S. Y., Muda, Z., Ramli, Z., & Hanawi, S. A. (2021). The conceptual framework of megalithic cultural information visualization. *Proceedings of the International Conference on Electrical Engineering and Informatics (ICEEI 2021)*. IEEE. <https://doi.org/10.1109/ICEEI52609.2021.9611143>
- Omar, A. (Ed.). (2020). *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020): Dalam talian 24–25 November 2020*. (e-ISBN 978-967-2122-90-6).
- Tussaripah, M. (2012). *Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu tinjauan menurut perspektif Islam*. (Pembentangan Kertas Kerja) : Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-5, Brunei Darussalam.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*